



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LHDN.01/35/42/51/179-6.8789(HBH)
Tarikh : 23 Oktober 2023

PENGARAH
RAMLI & CO
LEVEL 3(AMBANK)
JALAN SULTAN IBRAHIM
15150 KOTA BHARU
KELANTAN

PERHATIAN: SILA NYATAKAN
DENGAN JELAS NOMBOR
RUJUKAN 8789 DALAM SEMUA
URUSAN SURAT MENYURAT
RASMI DENGAN PEJABAT INI.
HARAP MAKLUM, TERIMA KASIH.

Tuan,

YAYASAN NDE
PERMOHONAN KELULUSAN KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI (KPHDN) DI
BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 (ACP 1967)

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan permohonan pihak **Yayasan NDE** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) telah meluluskan permohonan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967, di mana semua derma wang tunai kepada **Yayasan NDE** layak diberi potongan cukai dalam mengira jumlah pendapatan pendermanya.

3. Kelulusan ini berkuat kuasa bagi tempoh **5 tahun mulai 01 Oktober 2023 hingga 30 September 2028** tertakluk kepada syarat-syarat seperti di **Lampiran A**.

4. Bagi memastikan pihak yayasan dapat mengekalkan status kelulusan di atas, **Yayasan NDE** perlu mematuhi syarat-syarat berikut :

- 4.1 Pendapatan dan derma yang diterima oleh **Yayasan NDE** hendaklah digunakan untuk tujuan **objektif** dan akan dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah subperenggan 13(1)(a) Jadual 6, ACP 1967;
- 4.2 **Yayasan NDE** juga dikehendaki mematuhi apa juga peraturan-peraturan baharu yang dikeluarkan oleh LHDNM dari semasa ke semasa;
- 4.3 Sekiranya **Yayasan NDE** bercadang untuk membuat pelaburan, **Yayasan NDE** adalah tertakluk kepada Dasar Pelaburan sebagaimana yang ditetapkan di **Lampiran B**;

- 4.4 **Yayasan NDE** hendaklah mengemukakan permohonan lanjutan tempoh secara bertulis dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan kepada KPHDN sekiranya masih ingin meneruskan status pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967;
- 4.5 **Yayasan NDE** hendaklah menyimpan rekod dengan lengkap dan teratur bagi tujuan semakan pematuhan di masa akan datang. Bersama-sama ini disertakan Lampiran A dan B untuk perhatian dan rujukan pihak tuan bagi tujuan tersebut;
- 4.6 **Yayasan NDE** hendaklah mengemukakan Penyata Akaun Beraudit, Senarai Penderma dan Borang Nyata Cukai Pendapatan (**F2658456209**) setiap tahun tanpa gagal dan menyedari akan prosedur semakan pematuhan yang boleh dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut rangka kerja semakan pematuhan sedia ada.

5. Justeru itu, LHDNM berharap **Yayasan NDE** hendaklah mematuhi **semua syarat-syarat kelulusan** yang lain di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 (**Lampiran A dan B**) dan kegagalan mematuhi syarat-syarat kelulusan membolehkan pihak LHDNM menarik balik kelulusan pada bila-bila masa.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA”

“ORGANISASI BERIKTIRAF MS ISO 9001:2015”

Saya yang menjalankan amanah,



[NOR AIZAN BINTI ABD WAHAB]

Pengarah

Bahagian Kelulusan Dan Pemantauan

Jabatan Dasar Percukaian,

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

s.k : LHDNM KELANTAN

SEKSYEN AUDIT SYARIKAT DAN SELAIN SYARIKAT

[NO. FAIL CUKAI PENDAPATAN: F 2658456209]

(Untuk makluman kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 bagi **Yayasan NDE** telah diluluskan selama 5 tahun mulai **01 Oktober 2023 hingga 30 September 2028**)

1. SYARAT-SYARAT KELULUSAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

Dalam tempoh kelulusan, **Yayasan NDE** mestilah mematuhi syarat-syarat berikut :-

- i. **Yayasan NDE** hendaklah terus ditubuhkan dengan tidak bertujuan untuk mencari keuntungan.
- ii. **Yayasan NDE** hendaklah secara berterusan memberikan khidmat atau manfaat seperti syarat-syarat berikut :-
 - a. khidmat atau manfaat diberikan kepada rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama dan keturunan;
 - b. khidmat atau manfaat tidak terhad kepada sesuatu kumpulan sasaran, anutan agama, fahaman politik atau kawasan tertentu;
 - c. khidmat atau manfaat tidak dinikmati oleh pengasas / ahli lembaga pemegang amanah / ahli lembaga pengarah / ahli jawatankuasa / mana-mana pihak yang mengendalikan **Yayasan NDE**;
 - d. khidmat atau manfaat tidak dinikmati oleh ahli keluarga Pemegang Amanah atau mana-mana pihak yang berkepentingan kepada pengasas/ Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / ahli jawatankuasa / mana-mana pihak yang mengendalikan **Yayasan NDE**; dan
 - e. pengasas / Ahli Lembaga Pemegang Amanah/ Ahli Lembaga Pengarah/ ahli jawatankuasa / mana-mana pihak yang mengendalikan **Yayasan NDE** tidak boleh menggunakan kuasa dan kedudukan mereka untuk kepentingan tertentu melalui **Yayasan NDE** yang diluluskan tersebut.
- iii. Berkaitan dengan Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / ahli jawatankuasa, **Yayasan NDE** hendaklah terus mematuhi syarat-syarat di dalam perenggan 3.3(i) dan (ii) Garis Panduan Bagi Kelulusan KPHDN Di bawah Subseksyen 44(6), ACP 1967 bertarikh 30 Januari 2020 iaitu :-
 - a. Lebih 50% Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / ahli jawatankuasa mestilah terdiri daripada orang luar yang tidak mempunyai perkaitan dengan **Yayasan NDE** atau pengasas termasuklah :
 - hubungan kekeluargaan seperti ibu-bapa, anak, adik beradik termasuk lain-lain hubungan kekeluargaan yang rapat;
 - hubungan majikan dan pekerja; atau
 - pengarah atau pekerja di dalam syarikat atau kumpulan syarikat yang sama, atau
 - b. Pengasas / Ahli Lembaga Pemegang Amanah / Ahli Lembaga Pengarah / ahli jawatankuasa tidak boleh menerima manfaat atau saraan daripada institusi atau organisasi termasuk emolumen tetap. Walau bagaimanapun,

permohonan untuk kelulusan penerimaan manfaat boleh dipertimbangkan dalam keadaan seperti berikut :

- permohonan golongan kurang upaya, kehilangan upaya disebabkan kecederaan atau berpenyakit. Permohonan perlu disokong dengan dokumen pengesahan Jabatan Kebajikan Masyarakat atau surat pengesahan pegawai perubatan Kerajaan; atau
- tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) berkaitan tugas rasmi institusi atau organisasi adalah dibenarkan dengan sokongan dokumen berkaitan.

2. LARANGAN KE ATAS YAYASAN NDE DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

Yayasan NDE adalah dilarang daripada melakukan perkara berikut :-

- a. melabur di dalam syarikat subsidiari dengan pegangan saham melebihi 49%;
- b. menerima derma daripada syarikat subsidiari yang mana **Yayasan NDE** memegang lebih 49% saham;
- c. menggunakan logo rasmi LHDNM atau mengubahsuai logo tersebut di dalam semua dokumen dan media;
- d. melibatkan diri dalam sebarang kegiatan politik atau gerakan kesatuan sekerja atau membenarkan kewangannya, ahli / staf dan premis / harta digunakan untuk tujuan tersebut; dan
- e. membeli atau menambah aset yang tidak selari dengan objektif **Yayasan NDE**

3. TANGGUNGJAWAB YAYASAN NDE DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) ACP 1967

3.1. Tanggungjawab **Yayasan NDE** selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah seperti berikut :

- i. **Resit rasmi –**
 - a. Semua derma yang diterima dalam bentuk tunai atau melalui perbankan internet, cek / kiriman wang / wang pos / draf bank perlu menggunakan resit rasmi,
 - b. Resit rasmi mesti mengandungi maklumat :
 - Nama dan alamat **Yayasan NDE**;
 - Nombor siri resit rasmi yang bercetak (*preprinted*);
 - Tarikh resit;
 - Nama penderma berserta dengan nombor kad pengenalan, nombor passport dan nombor pendaftaran perniagaan penderma;

- Alamat surat menyurat penderma;
- Jawatan pemungut (*collector*) seperti Presiden atau Bendahari; dan
- Catatan berikut –

**“Potongan Di Bawah Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967,
No. Rujukan : LHDN.01/35/42/51/179-6.8789
Tempoh Kuat kuasa Kelulusan : 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2028”**

- c. Resit **tidak layak diberi** kepada **penderma yang gagal** memberikan maklumat yang lengkap berkaitan dirinya. Maklumat yang lengkap perlu diberikan dengan butiran berikut :-
 - Bagi penderma individu :
 - Nama penderma;
 - Nombor kad pengenalan / nombor passport; dan
 - Alamat lengkap
 - Bagi penderma selain daripada individu :
 - Nama penderma;
 - Nombor pendaftaran; dan
 - Alamat Lengkap
 - d. Sila **kemukakan contoh resit rasmi** untuk persetujuan LHDNM sebelum ianya dicetak. Sekeping resit rasmi yang telah dipersetujui hendaklah dikemukakan kepada LHDNM sebagai rujukan.
- ii. **Pemakluman awal secara bertulis perlu dibuat kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi perkara berikut :-**
 - a. sebelum pemilikan aset atau harta tambahan;
 - b. sebelum pelupusan harta;
 - c. sebelum sebarang pertukaran Ahli Lembaga Pengarah / Ahli Lembaga Pemegang Amanah / ahli jawatan kuasa, keahlian **Yayasan NDE**;
 - d. sebelum pindaan kepada Perlembagaan atau surat ikatan amanah **Yayasan NDE**; atau
 - e. sebarang pertukaran kepada alamat **Yayasan NDE**;
 - iii. Kelulusan / Kebenaran bertulis daripada **Menteri Kewangan** diperlukan terlebih dahulu jika menjalankan **aktiviti di luar negara**. **Yayasan NDE** perlu menghantar salinan surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan kepada LHDNM.
 - iv. **Lain-lain –**
 - a. Sekurang-kurangnya 50% daripada pendapatan yang diperolehi dalam tahun terdahulu mestilah dibelanjakan pada tahun berikutnya untuk aktiviti bagi mencapai objektif-objektif **Yayasan NDE**.

- b. **Yayasan NDE** dibenarkan melibatkan diri dalam **perniagaan** dengan syarat hanya **25%** daripada dana yang terkumpul pada hari pertama dalam sesuatu taksiran itu. Semua pendapatan yang diperolehi hendaklah dimasukkan semula ke dalam dana berkenaan untuk digunakan bagi mencapai objektif kebajikan.
- c. Satu penyata kewangan tahunan yang telah beraudit oleh Juruaudit Awam bertauliah hendaklah dihantar sebelum atau pada 30 April setiap tahun ke –

Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil, Aras 17
Persiaran Rimba Permai,
Cyber 8, 63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan yang disatukan hendaklah dikemukakan oleh **Yayasan NDE** sekiranya mempunyai cawangan di bawah naungannya. Penyata yang disatukan tersebut hendaklah mengandungi semua pendapatan yang diterima dan perbelanjaan yang dibuat olehnya. Sila lampirkan maklumat berikut bersama-sama penyata kewangan :-

- Senarai penderma yang telah menderma sebanyak **RM20,000.00 dan ke atas**.
- Senarai penerima bantuan yang lengkap dengan butiran berikut :
 - Maklumat penerima bantuan
 - Nama, nombor kad pengenalan, amaun, jenis bantuan.
 - Maklumat ibu dan bapa atau penjaga
 - Nama, nombor kad pengenalan serta majikan ibu dan bapa atau penjaga.
 - Maklumat institusi / organisasi yang menerima bantuan
 - Nama, alamat dan nama pengarah institusi atau organisasi.

Bagi senarai penderma dan senarai penerima bantuan yang melebihi 50 orang, harap dikemukakan dengan menggunakan pemacu USB (dalam format Excel).

- d. Semua rekod dan dokumen **Yayasan NDE** hendaklah disimpan untuk dikemukakan kepada KPHDN untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.
- e. Berikut adalah rujukan kepada **Yayasan NDE** di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 :

- No. pendaftaran permohonan dan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967; dan
 - No. fail cukai pendapatan di bawah TF yang perlu didaftarkan di cawangan LHDNM.
- f. **Yayasan NDE** hendaklah menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (**Borang TF**) secara e-filing kepada KPHDN selewat-lewatnya pada 30 April setiap tahun diperuntukkan di bawah seksyen 77 ACP 1967;
- g. Sekiranya **Yayasan NDE** dibubarkan :
- Kesemua hutang dan tanggungan hendaklah dijelaskan dan baki aset dan wang, jika ada, hendaklah didermakan kepada Kerajaan atau kepada organisasi / institusi lain yang telah diluluskan oleh KPHDN.
 - Pembubaran ini hendaklah dimaklumkan kepada KPHDN dengan segera selewat-lewatnya **dalam tempoh 14 hari dari tarikh pembubaran.**
 - Akaun bank **Yayasan NDE** tersebut hendaklah ditutup dengan segera. Sesalinan surat penutupan akaun bank perlu dikemukakan kepada Jabatan Dasar Percukaian, LHDNM sebagai bukti.

4. AKIBAT PELANGGARAN SYARAT-SYARAT KELULUSAN

- 4.1 Sekiranya **Yayasan NDE** melanggar mana-mana **syarat kelulusan** yang dinyatakan, KPHDN atas budi bicaranya boleh membatalkan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
- 4.2 Dalam perenggan 4.1, perkataan '**syarat kelulusan**' termasuk syarat kelulusan dan tanggungjawab institusi atau organisasi selepas mendapat kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 yang dikeluarkan oleh KPHDN dari semasa ke semasa.

5. TEMPOH MASA KELULUSAN, LANJUTAN DAN RAYUAN PERMOHONAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

- 5.1 Tempoh kelulusan oleh KPHDN adalah **selama 5 tahun** kepada institusi atau organisasi yang diluluskan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
- 5.2 Bagi tujuan lanjutan tempoh kelulusan, institusi atau organisasi perlu secara bertulis dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh untuk membuat permohonan kepada KPHDN.
- 5.3 Lanjutan tempoh kelulusan akan diberikan pertimbangan oleh KPHDN berdasarkan semakan rekod pematuhan syarat-syarat kelulusan terdahulu.

6. KUASA KPHDN KE ATAS KELULUSAN DAN PENGENAAN SYARAT-SYARAT

Syarat-syarat kelulusan dan tanggungjawab institusi atau organisasi yang disenaraikan tidak mengehendkan atau sebaliknya menjejaskan kuasa KPHDN di bawah seksyen 148 ACP 1967 berkenaan dengan kelulusan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.

**Bahagian Kelulusan Dan Pemantauan
Jabatan Dasar Percukaian,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

DASAR PELABURAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. **20%** daripada pendapatan terkumpul dana boleh dilaburkan tanpa sekatan.
2. Sekurang-kurangnya **20%** daripada pendapatan terkumpul dana hendaklah dilaburkan di dalam **Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)** atau pelaburan lain yang berjangka pendek, sederhana dan panjang dan **dijamin oleh Kerajaan Malaysia** seperti *Malaysian Treasury Bills (MTB)*, *Government Investment Issues (GII)*, *Bank Negara Malaysia Bills (BNMB)*, *Cagamas Instruments*, Bon Dana Harta dan lain-lain instrumen yang seumpamanya.
3. Baki **60%** daripada pendapatan terkumpul dana hendaklah **dilaburkan di Malaysia** dalam bentuk aset-aset seperti disenaraikan dibawah -
 - (i) Debentur atau pinjaman lain yang dikeluarkan menurut mana-mana undang-undang oleh mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
 - (ii) Saham, debentur atau sekuriti lain dalam sesebuah syarikat diperbadankan di Malaysia yang disenaraikan di mana-mana Bursa Saham diluluskan di bawah **Akta Perindustrian Sekuriti 1983**;
 - (iii) Saham, debentur atau sekuriti lain dalam sesebuah koperasi yang didaftarkan di bawah **Akta Koperasi 1993**;
 - (iv) Tanah estet atau kepentingan dalam tanah di Malaysia dan pinjaman yang diperolehi bersandarkan tanah estet atau kepentingan tertakluk kepada nilai sekuriti;
 - (v) Simpanan tetap dalam institusi kewangan yang berlesen di bawah **Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989** atau **Akta Bank Islam Malaysia 1983** ;
 - (vi) Unit-unit dalam **Syarikat "Unit Trust"** di mana sekurang-sekurangnya **95% pelaburan dilaburkan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia** dalam satu-satu masa;
 - (vii) Bon atau pembelian kertas-kertas gadaijanji (*purchasing of mortgage papers*) nota perdagangan (*commercial notes*); penerimaan jurubank (*banker's acceptances*), kertas pasaran wang (*money market papers*), sijil pendepositan (*certificates of deposits*), sekuriti hutang persendirian (*private debt securities*), nota janji (*promissory notes*) dan bil pertukaran dalam etikata Akta Bil Pertukaran 1949 (*Bills of Exchange Act 1949*) dan lain-lain alat boleh niaga seumpamanya.

**Bahagian Kelulusan Dan Pemantauan
Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

